

# IBADAH BERKUALITI

31 MAC 2023 | 09 RAMADAN 1444H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Kita bersyukur kerana Allah Subhanahu wa-Ta'ala memberi peluang kepada kita untuk berada pada bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan ini. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan generasi salafussaleh amat gembira dengan kedatangan Ramadan kerana anugerah Allah Subhanahu wa-Ta'ala melimpah ruah pada bulan ini. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Yunus ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ

**Yang bermaksud:** *“Katakanlah (wahai Muhammad), “ kedatangan al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya) kerana ia lebih baik daripada apa-apa yang dihimpunkan oleh mereka (daripada segala benda dan perkara yang tidak kekal).”*

Antara nikmat besar pada bulan Ramadan ini ialah kita diberikan sebanyak-banyak ganjaran oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala melebihi daripada bulan-bulan yang lain apabila kita melaksanakan ibadah. Ingatlah apabila kita berpuasa, hendaklah kita menjaga anggota tubuh badan seperti hati, lidah, mata, telinga dan sebagainya dengan mengurangi melayari media sosial yang tidak berfaedah, menonton televisyen dengan menggantikannya memperbanyakkan membaca al-Quran, berzikir, berdoa dan beriktikaf di masjid. Sebelah malamnya pula marilah kita memanfaatkan dengan menghidup dan meningkatkan amal ibadah pada tahun

ini seperti mengajak seluruh ahli keluarga ke masjid bagi mendirikan solat tarawih daripada 8 rakaat kepada 20 rakaat supaya mendapat ganjaran pahala berlipat kali ganda pada bulan Ramadan kali ini. Janganlah, amalan kita seperti tahun-tahun yang lalu tanpa ada peningkatan.

Kehebatan umat Islam pada zaman Rasulullah dan para sahabat serta generasi selepasnya adalah disebabkan mereka bersungguh-sungguh meningkatkan amal ibadah mereka sehingga sanggup berperang pada bulan Ramadan. Natijah daripada kesungguhan beribadah kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada bulan Ramadan menyebabkan mereka menjadi insan yang bertakwa dan diberkati oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala serta kukuhnya ukhwah persaudaraan sesama mereka.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Para sahabat yang dididik oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sehingga mereka memperolehi kekuatan yang tiada tolok bandingnya kerana amalan ibadah merekalah menyebabkan mendapat bantuan daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Antara amalan yang menyebabkan mereka mendapat bantuan Allah Subhanahu wa-Ta'ala ialah mengimarahkan masjid dengan solat berjemaah, qiamullail, membaca al-Quran, memperbanyakkan berzikir dan bersedekah harta mereka untuk perjuangan Islam. Tunaikanlah solat tarawih dan witr bersama imam di masjid, bukan didirikan di rumah, begitulah mengikut sunnahnya. Apabila kita datang ke masjid bererti kita menyahut seruan Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Apabila kita bersedekah dan berzakat bererti kita menyayangi sesama umat Islam. Apabila kita berdoa, berzikir dan membaca al-Quran bererti kita semakin menghampirkan diri kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Dengan itu, hayatilah

keistimewaan beribadat pada bulan Ramadan sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat al-Tirmizi.

ثَلَاثَةٌ لَا تُرَدُّ دَعْوَتُهُمُ الْإِمَامُ الْعَادِلُ وَالصَّائِمُ حِينَ يُفْطِرُ وَدَعْوَةُ الْمَظْلُومِ

**Yang bermaksud:** *“Tiga golongan yang tidak ditolak doa mereka iaitu Imam yang adil, orang yang berpuasa sehingga berbuka dan orang yang dizalimi.”*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Tirmizi yang bermaksud *“ Sedekah yang paling baik ialah pada bulan Ramadan ”.*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Hayatilah peringatan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam hadis riwayat Ibnu Hibban,

**Yang bermaksud:** *“Sesungguhnya Jibril alaihi salam datang dan memberitahu kepadaku dengan berkata, rugilah sesiapa yang bertemu dengan bulan Ramadan dan tidak mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu wa-Ta’ala. Malaikat Jibril menyuruh aku berkata Amin, lalu aku berkata, Amin.”*

Hadis ini menerangkan bahawa rugilah bagi mereka yang sepatutnya mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu wa-Ta’ala pada bulan Ramadan tetapi mereka tidak melakukan amal ibadah serta bersungguh-sungguh mendapat

keampunan dan rahmat Allah Subhanahu wa-Taala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebut aamin iaitu memperakukan dan membenarkan apa yang diperkatakan oleh malaikat Jibril.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

**Yang bermaksud:** “Berlumba-lumbalah kepada keampunan daripada Tuhanmu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi disediakan untuk orang yang bertakwa.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا

وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.